

DATE: 28/08/2007

PM perlu masa tentukan calon

Rundingan dengan Majlis Raja-Raja bukan bermakna untuk dapat kelulusan: Nazri

Oleh Zulkofli Jamaludin, Nazura Ngah, Ahmad Johari Mohd Ali

KUALA LUMPUR, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, menafikan Majlis Raja-Raja membantah senarai calon Hakim Besar Malaya ketika mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sebaliknya, beliau berkata, mereka hanya membangkitkan beberapa perkara berkaitan.

Nazri berkata, Perdana Menteri memerlukan masa memutuskan calonnya kerana perlu meneliti perkara dibangkitkan itu selain pemilihannya dapat diterima semua pihak.

Katanya, Perlembagaan Persekutuan menetapkan Perdana Menteri mempunyai hak keistimewaan memilih calon selepas diberi senarai nama oleh Ketua Hakim Negara dan beliau akan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong melantik calon itu.

Katanya, rundingan antara Perdana Menteri dengan Majlis Raja-Raja bukan bermakna untuk mendapatkan kelulusan.

"Perdana Menteri seorang penyarbar yang mahu menyelesaikan sesuatu perkara boleh diterima semua pihak tanpa sebarang kesulitan. Ia mungkin mengambil masa, tetapi keputusannya tetap ada.

"Beliau sudah mengadap Yang di-

Pertuan Agong, Rabu lalu, membincangkan senarai calon berpotensi.

"Mungkin ada beberapa perkara dibangkitkan Majlis Raja-Raja dan beliau memerlukan masa meneliti perkara itu dengan sebaiknya, tetapi beliau sudah membuat keputusan dan akan mengumumkannya tidak lama lagi," katanya ketika menghadiri perasmian Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di Jalan Duta di sini, semalam.

Kompleks bernilai RM270 juta itu dirasmikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin. Turut berangkat ke majlis itu Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

Hadir sama Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Richard Malanjum.

FAKTA NOMBOR

Kompleks mahkamah

RM270j

Nilai Kompleks Mahkamah KL

2

Kompleks baru akan dibina



REKA BENTUK MENARIK: Tuanku Mizan bersama Tuanku Nur Zahirah mendengar taklimat daripada Ahmad Fairuz selepas merasmikan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, di Jalan Duta, semalam.